

**Tarikh Dibaca: 28 DIS 2018M I 20 RABI'UL AKHIR 1440H**



**جَبَاتَانِ اِغَامَا اِيسْلَامِ سِلَانْغُورِ**  
**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“ARAK IBU SEGALA MAKSIAT”***

**\*\*\***

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)  
**Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
2. **Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** (Ahli)  
**Mantan Timbalan Pengarah,  
Jabatan Agama Islam Selangor**
3. **Ketua Penolong Pengarah,** (Setiausaha)  
**Bahagian Pengurusan Masjid,  
Jabatan Agama Islam Selangor**
4. **SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)  
**Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
5. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)  
**Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
6. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)  
**Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
7. **Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)  
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),  
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
8. **Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)  
**Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
9. **Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)  
**Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor**
10. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)  
**Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
11. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)  
**Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
12. **Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urus Setia)  
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)  
Bahagian Pengurusan Masjid**



## “**ARAK IBU SEGALA MAKSIAT**”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ  
وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ  
لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ <sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا  
أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا  
اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Saya berpesan buat diri saya dan tuan-tuan sekalian. Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang berjaya di dunia dan di akhirat.

### **Hadirin yang berbahagia,**

Antara larangan yang wajib dipatuhi oleh kita sebagai seorang Muslim adalah larangan meminum arak. Justeru, marilah kita menghayati khutbah kali ini yang bertajuk “**ARAK IBU SEGALA MAKSIAT.**”

<sup>1</sup> Al-Maidah : 90.



Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah, ayat 90 tadi bermaksud:

*"Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya."*

### **Hadirin sekalian,**

Arak adalah apa sahaja minuman yang menyebabkan peminumnya mabuk dan hilang pertimbangan akal. Apabila akal tidak dapat berfungsi dengan baik untuk mengawal pergerakan dan perbuatan manusia, maka ia sangat terdedah kepada perlakuan negatif dan buruk. Kerana itulah, arak disebut sebagai ibu segala maksiat. Hakikat ini tidak sukar untuk difahami oleh manusia yang berakal.

Berdasarkan beberapa kajian, keburukan meminum arak telah terbukti. Antaranya:

1. Kajian menunjukkan bahawa terdapat hubung-kait yang ketara antara ketagihan arak oleh suami atau isteri yang mengakibatkan keganasan rumahtangga terhadap pasangan masing-masing.
2. Kajian juga menunjukkan bahawa kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol telah menyumbang kepada banyak kes kemalangan maut.
3. Dalam kes yang berlaku pada bulan September 2018 yang lalu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan seramai 19 individu maut selepas meminum arak yang mengandungi metanol, manakala 23 lain masih dirawat di hospital termasuk 14 daripadanya dalam keadaan kritikal.

Satu kisah yang dapat kita ambil iktibar iaitu tentang seorang lelaki yang telah melakukan banyak jenayah akibat meminum arak. Dirikan daripada al-Haris dia mendengar Saidina Osman Radhiallahu Anhu berkata yang bermaksud:



*"Jauhilah arak. Sesungguhnya ia adalah ibu segala maksiat. Dahulu ada seorang lelaki yang banyak beribadah. Lalu seorang perempuan jalang telah tertarik kepadanya. Dia menghantar seorang hamba perempuan untuk menjemputnya. Hamba itu berkata: "Kami mahu menjemput engkau untuk menjadi saksi." Lalu dia pun bersetuju dan pergi mengikut hamba itu. Bila sampai, dia memasuki beberapa pintu yang ditutup satu demi satu. Kemudian dia bertemu dengan seorang wanita cantik. Di sebelahnya ada seorang kanak-kanak dan sebekas arak. Wanita itu berkata: "Demi Allah! Aku menjemputmu bukan untuk menjadi saksi. Aku menjemputmu agar engkau bersetubuh denganku, atau engkau minum arak ini, atau engkau bunuh kanak-kanak ini." Abid itu berkata: "Berilah aku minum arak ini segelas." Lalu dia diberi minum segelas. Kemudian katanya lagi: "Tambahkanlah untukku." Dia tidak berhenti minum sehingga akhirnya dia berzina dengan wanita itu dan membunuh pula. Oleh itu, jauhilah arak. Demi Allah! Sesungguhnya iman dan ketagihan arak tidak dapat duduk bersama melainkan salah satunya akan menyebabkan hilangnya yang satu lagi."*

### **Hadirin tetamu Allah sekalian,**

Demi memelihara akal dan kemaslahatan masyarakat, Islam melarang keras perbuatan meminum arak dengan ancaman hukuman yang berat. Peminum arak yang disabitkan kesalahan akan dikenakan sebatan hudud sebanyak 40 kali. Selain itu, ibadah orang yang meminum arak tidak diterima Allah. Bahkan, peminum arak tidak akan merasai kelazatan arak di syurga yang lebih lazat dan tidak memabukkan. Hadis daripada Ibnu Umar Radhiallahu Anhuma beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Sesiapa yang meminum arak, maka ibadah solatnya tidak diterima selama 40 malam. Jika dia bertaubat, maka Allah menerima taubatnya. Jika*



*dia mengulanginya lagi, maka menjadi hak Allah untuk memberinya minum air nanah."*

*(Riwayat Ahmad).*

Sesungguhnya larangan berkaitan arak tidak terbatas kepada meminumnya sahaja, bahkan orang-orang yang terlibat dengan urusan arak juga akan dilaknat oleh Allah dan berdosa besar. Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar Radhiallahu Anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَعَنَ اللَّهُ الْخَمْرَ وَشَارِبَهَا وَسَاقِيَهَا وَبَائِعَهَا  
وَمُبْتَاعَهَا وَعَاصِرَهَا وَمُعْتَصِرَهَا وَحَامِلَهَا وَالْمَحْمُولَةَ  
إِلَيْهِ

*"Allah melaknat arak, peminumnya, penghidangnya, penjualnya, pembelinya, pemerahnya, yang meminta agar ia diperah, penghantar dan penerimanya".*

*(Riwayat Abu Daud).*

### **Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,**

Walaupun pelbagai peringatan dan ancaman daripada Allah dan Rasulullah telah dinyatakan, malangnya masih terdapat orang yang menganggap bahawa arak adalah minuman yang berprestij tinggi dan sebagai satu kebanggaan. Mereka terpengaruh dengan budaya luar yang mengagong-agongkan minuman arak. Banyak filem yang memaparkan adegan-adegan meminum arak sebagai amalan biasa. Selain itu, terdapat juga sukan-sukan tertentu yang meraikan juara mereka dengan menyemburkan arak daripada botol. Ada pula yang mempercayai arak sebagai sumber ekonomi yang menguntungkan.



Kesemua ini adalah tipudaya syaitan yang mahu menyesatkan dan merosakkan umat manusia. Oleh itu, kita hendaklah sedar bahawa masih banyak sumber rezeki yang halal telah disediakan oleh Allah SWT di muka bumi ini. Jangan kita lupa yang hasil pendapatan dari perniagaan arak hanya akan menghilangkan keberkatan daripada rezeki kita itu. Sesungguhnya, orang yang meninggalkan perkara yang dilarang Allah, akan dijanjikan rezeki dan jalan keluar bagi segala masalahnya.

### **Muslimin sekalian,**

Di Negeri Selangor, umat Islam adalah tertakluk dan terikat dengan Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 yang berkuatkuasa sejak 22 November 1996 yang telah mengkategorikan meminum dan menjual arak sebagai satu kesalahan jenayah syariah yang melibatkan hukuman denda atau penjara atau kedua-duanya sekali melalui Enakmen di bawah kategori kesalahan minuman yang memabukkan di bawah Seksyen 18 (1) dan (2).

Justeru, Islam mengharamkan arak dan segala minuman yang memabukkan sama ada ia banyak ataupun sedikit walaupun dianggap sebagai ubat namun ia tetap diharamkan. Hadis daripada Jabir bin Abdullah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا أَسْكَرَ كَثِيرُهُ فَقَلِيلُهُ حَرَامٌ

*"Barang yang memabukkan bila banyak, maka sedikit pun menjadi haram juga."*

*(Riwayat al-Tirmizi).*

### **Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Mengakhiri khutbah hari ini, dapatlah kita simpulkan beberapa taujihat dan panduan yang perlu diamalkan:



1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa segala larangan Allah itu wajib dijauhi.
2. Umat Islam hendaklah mengelakkan diri dari terlibat dengan semua urusan berkaitan arak.
3. Umat Islam hendaklah menjauhi segala perbuatan dosa dan maksiat agar terhindar daripada bala dan murka Allah SWT terutama sekali dalam pada keseronokan kita menyambut tahun baru dalam beberapa hari lagi agar kita dapat meraikannya dengan alunan zikir dan bacaan al-Quran di samping menanam azam yang kuat untuk berjaya dengan cemerlang lagi pada tahun 2018 nanti. Mudah-mudahan kita semua beroleh kebahagiaan dan keselamatan di penghujung tahun 2018 ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ  
وَالْمَيْسِرِ وَيُصَدِّكُمْ عَنِ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ



*“Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?”*

*(Surah al-Ma'idah : 91).*





بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ  
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

\*\*\*\*\*

Faryzan/Nurul

05.11.2018



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ  
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا  
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ  
الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا  
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ  
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ  
سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج،  
ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه  
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُورِ،  
تغكو أمير شاه، ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس



شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ  
يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا،  
مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ  
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ  
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ  
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*